

Headline	Kontraktor perlu penuhi syarat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-31	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	244 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,867
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,601



54 pasukan pemantau pastikan projek dilaksana berkualiti - Ahmad Phesal

# Kontraktor perlu penuhi syarat

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**  
kota@utusangroup.com.my

**KUALA LUMPUR** 3 Okt. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menubuhkan 54 pasukan pemantauan projek bagi memastikan kontraktor pembinaan yang dilantik memenuhi syarat ditetapkan bagi pembinaan kemudahan lebih tahan lasak dan berkualiti di sekitar ibu kota.

Datuk Bandar, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, pasukan pemantau itu juga bertanggungjawab mendapatkan maklum balas daripada orang ramai dan bertindak terhadap kontraktor yang tidak mengikut piawaian termasuk dihalang daripada menerima tender pembinaan pada masa depan.

"Banyak kemudahan di ibu kota tidak memenuhi standard yang dihasratkan dari segi ketahanan, material dan reka bentuk.

"Sudah sampai masanya kita buat penekanan bersungguh-sungguh dalam memastikan kemudahan yang dibina tahan lasak dan berkualiti kerana masyarakat amat prihatin tentang kualiti kemudahan yang digunakan mereka," katanya mene-

rusi sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2012 semalam yang memaklumkan empat daripada lima projek kemudahan rekreasi di sekitar bandar raya Kuala Lumpur gagal disiapkan mengikut jadual asal.

Menurut laporan tersebut, bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak RM182.79 juta telah diperuntukkan bagi penguasaan projek kemudahan rekreasi dan hanya sejumlah RM123.32 juta atau 67.5 peratus dibelanjakan hingga Disember 2012.

Pengauditan yang dijalankan, menurut laporan itu, mendapati prestasi fizikal empat daripada lima projek yang diaudit kurang memuaskan kerana gagal di siapkan mengikut jadual asal dan kontraktor terlibat telah diluluskan antara satu hingga tiga lanjutan masa, melibatkan tempoh antara 174 hingga 617 hari.

"Selain itu, pengurusan lima projek ini juga kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti siasatan

ataupun penilaian awal tapak projek tidak dilakukan. Projek yang telah disiapkan masih tidak dapat diguna atau dinikmati orang awam, selain pelaksanaan projek tidak mengikut terma, syarat dan spesifikasi kontrak.

"Malah, JLR (Jabatan Landskap dan Rekreasi, DBKL) didapati tidak menggunakan sepenuhnya Garis Panduan Landskap, Jabatan Landskap Negara dan peraturan lain yang berkaitan sebagai panduan untuk mempraktikkan amalan terbaik. JLR tidak menyelenggarakan rekod inventori aset hidup dan tidak menguruskan penyenggaraan landskap serta kemudahan rekreasi dengan memuaskan," jelas laporan itu lagi.

Mengulas lanjut, Ahmad Phesal berkata, peningkatan kualiti kerja akan dilaksanakan melalui Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) DBKL dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan, Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan SIRIM Berhad dalam proses untuk dimuktamadkan.

"Semua langkah ini diyakini dapat menyelesaikan masalah projek DBKL yang tidak sempurna pada masa hadapan," katanya.



AHMAD PHEHAL